

'Usah campur urusan perniagaan'

Pastikan prestasi syarikat tak tergugat, sehingga kerugian besar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan pimpinan politik supaya tidak campur tangan dalam urusan perniagaan dan perdagangan membabitkan syarikat strategik negara, termasuk Khazanah Nasional.

Perdana Menteri menegaskan, ia bagi memastikan prestasi syarikat ini tidak tergugat, sehingga menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian besar seperti pernah dialami syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines sebelum ini.

"Bukan maksud saya mahu menungkit hal lama (namun) oleh kerana soal Malaysia Airlines ini masih dalam perbincangan panjang dan menjadi bahan di media, termasuk media sosial.

"Harus saya ingatkan, kadang-kadang keputusan politik itu yang tidak telus, yang memberikan peluang kepada satu dua kroni (sehingga) menjahanamkan suatu syarikat yang dibanggakan.

"Oleh kerana kesilapan itu, ia terbeban kepada kita sampai kini," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Khazanah Nasional di sini semalam.

Turut sama hadir, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul

Tengku Abdul Aziz; Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan serta Pengarah Urusan Khazanah Nasional, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir.

Perdana Menteri berkata, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini melonjak kepada RM160 bilion, sekali gus menyaksikan peningkatan sebanyak 18 peratus ketimbang tempoh sama tahun lalu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, semua pelaburan itu membabitkan hampir 3,000 projek baharu yang akan membuka lebih 79,000 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

"Kita bertuah kerana mewarisi satu sistem yang relatifnya baik, cuma tanggungjawab generasi kini dan akan datang untuk meningkatkan ke satu tahap yang lebih cemerlang.

"Kita lihat umpamanya, dengan kesungguhan keluarga Khazanah Nasional, jabatan dan kementerian, rakan Jemaah Menteri, kita telah lihat pertumbuhan (ekonomi negara) suku kedua 5.9 peratus," katanya.

Anwar berkata, prestasi pelaburan dan pertumbuhan yang membanggakan itu tentunya hadir dari usaha keras dijayakan pelbagai pihak termasuk Khazanah Nasional, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); Kementerian Kewangan dan agensi kerajaan di luar negara.

Justeru, beliau yang juga Menteri Kewangan mahu Khazanah Nasional perlu terus me-



Anwar bersama Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz (tiga dari kiri); Amir Hamzah, Tengku Zafrul dan Johari pada Sambutan Ulang Tahun Ke-30 Khazanah Nasional di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

mainkan peranan pentingnya untuk merencanakan pertumbuhan ini, 'dengan agihan kekayaan yang diperoleh dikongsi untuk semua rakyat.

"Pembentukan Khazanah Nasional daripada awal bukan sebagai satu badan yang boleh memantau, memastikan peningkatan usaha untuk mencatat kemajuan pembangunan dan keuntungan, tetapi ke arah pembangunan, pertumbuhan dan kesaksamaan.

"Adalah memastikan ia seimbang, adil dia menyantuni kepentingan semua rakyat. Tambahan lagi dalam era tidak menentu, dengan apa yang disebut pasca normal ini, di mana sikap kita yang bebas dan merdeka, tapi masih menekankan soal nilai.

"Tahu beda antara kebenaran dan kepalsuan, kemanusiaan dan kehaiwanan. Jadi, kita letakkan

dan diberi amanah untuk terus memacu pertumbuhan ini, dengan mengambil sikap yang lebih terbuka, menjamin keuntungan negara dan rakyat serta tidak terikat dengan ideologi tertentu sama ada barat atau timur," katanya

PM puji Khazanah Nasional

Pada masa sama, Perdana Menteri memuji langkah Khazanah Nasional menetapkan gaji minimum RM3,000 sebulan untuk 500 pekerjaanya dan berharap semua syarikat swasta mencontohi tindakan itu.

Mengakui kepentingan syarikat swasta untuk mencatatkan keuntungan, namun beliau berkata, harus ada iltizam daripada pihak pengurusan syarikat swasta, untuk menjamin kesejahteraan pekerja mereka.

Dalam perkembangan berasi-

ngan, Anwar berkata, kerajaan menyokong usaha untuk mengubah wajah Kuala Lumpur menjadi kawasan yang berupaya mengekalkan nilai warisannya, namun dilihat lebih baharu dan moden, seiring kemajuan dunia kecerdasan buatan (AI).

Katanya, gambaran sebenar mengenai wajah baru Kuala Lumpur yang akan bermula dari Bangunan Sultan Abdul Samad di Dataran Merdeka, Stesen Kereta Api Kuala Lumpur hingga Carcosa Negara itu akan dapat ditampilkan sebelum Belanjawan 2025 bulan depan.

"Sebelum Belanjawan Oktober ini, saya mahu pastikan supaya ada gambaran jelas kepada negara bahawa kita ada usul untuk memulakan wajah baru Kuala Lumpur yang tak terpisah daripada warisan budaya gemilang kita," katanya.